

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

7. Penang Science Cafe Guar Perahu (PINTAR) hampir siap. Kerajaan Negeri telah membantu menampung sebahagian kos operasi Penang Science Café (PSC).
- (a) Berapakah peruntukan tahunan diberi kepada PSC sedia ada?
 - (b) Apakah langkah-langkah konkrit menyokong usaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen untuk menggalakkan mempelajari *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) bagi anak-anak kampung dan tercicir di Permatang Pauh?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHKAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Operasi Penang Science Café (PSC) dibiayai oleh Penang Science Cluster, satu badan bukan berasaskan keuntungan yang mendapat bantuan kewangan melalui sumbangan oleh syarikat awam atau swasta, derma, dan juga secara *Corporate Social Responsibility (CSR)* dalam membiayai program-program di bawah Penang Science Cluster. Namun, Kerajaan Negeri turut menyumbang kepada Penang Science Cluster. Sejak penubuhannya pada tahun 2010 hingga 2017, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,225,000.00. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah.

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)
2010	-
2011	80,000.00
2012	105,000.00
2013	600,000.00
2014	240,000.00
2015	200,000.00
2016	-
2017	-
JUMLAH KESELURUHAN	1,225,000.00

- (b) Bagi menggalakkan pembelajaran *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) di kalangan anak-anak kampung dan menyokong usaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen di Seberang Perai khususnya, Kerajaan Negeri akan membangunkan sebuah perpustakaan digital di kawasan Butterworth, yang akan dikenali sebagai Butterworth Digital Library (BDL) untuk membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital yang menerapkan budaya revolusi industri 4.0 melalui pembelajaran STEM. BDL dijangka siap untuk dirasmikan pada Oktober 2019.